

Melatih anak beribadah pada Ramadan

BADAT puasa pada Ramadan adalah satu daripada tunjang utama dalam Rukun Islam dan semua umat Islam tidak kira usia, perlu sedar kewajipan untuk menunaikannya termasuk golongan kecil.

Alim ulama menyebutkan bahawa, walaupun kanak-kanak masih belum mukallaf iaitu diwajibkan melaksanakan syariat, namun ibadat berpuasa oleh mereka adalah dianggap sebagai bentuk latihan.

Pernyataan ini jelas memberi isyarat bahawa ibadat puasa perlu dididik dan dilatih di kalangan anak kecil. Menjadi tanggungjawab ibu bapa memastikan bahawa anak seawal usia empat atau lima tahun belajar untuk menghayati kelebihan berpuasa pada Ramadan ini.

Latihan menaban nafsu makan dan minum pada siang hari serta memperbanyakkan amalan mulia dan mengelakkan diri daripada kemungkar adalah sangat besar impaknya apabila anak ini meningkat dewasa kelak.

Minda dan pemikiran anak perlu juga dididik supaya tidak mentafsir bahawa Ramadan ini adalah waktu yang sinonim dengan pesta bunga api dan mercun. Hindarkan mereka daripada terjebak dengan sindrom negatif sebegini yang bukan saja membazirkan wang, malah turut membahayakan nyawa.

Anak juga tidak seharusnya dibiarkan terlalu leka menonton televisyen, bermain permainan komputer atau membuat aktiviti yang tidak berfaedah. Sebaliknya mereka perlu dibimbing menambahkan amal ibadat yang di-

janjikan ganjaran yang sangat besar oleh Allah.

Untuk melatih anak berpuasa perlulah di mulakan secara berperingkat. Turuti tahap kemampuan mereka seadanya seperti puasa setengah hari atau sekadar beberapa jam, atau hanya beberapa hari sepanjang bulan Ramadan.

Unsur ganjaran juga boleh dipraktikkan di kalangan anak sebagai elemen penggalak untuk mereka berpuasa. Misalannya menyediakan masakan kegemaran mereka untuk berbuka dan bersahur, pujian, memberikan hadiah atau sejumlah duit raya jika mereka berjaya melaksanakan ibadat puasa mengikut kemampuan masing-masing.

Ibu bapa boleh menceritakan kepada anak apa perlunya berpuasa daripada konteks agama dan kesihatan agar mereka faham bahawa berpuasa adalah amalan yang sangat besar kesan positifnya.

Anak perlu dilatih dengan rukun dan pantang larang ketika berpuasa supaya mereka bijak memelihara kesempurnaan puasa mereka. Pada Ramadan ini juga, mereka boleh diajak untuk menunaikan solat fardu dan solat Tarawih secara berjemaah sama ada di rumah atau di masjid dan juga bertadarus al-Quran bersama-sama.

KHAIRUNNEZAM MOHD NOOR,

*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).*